

05 SEP 1996  
Malawi-Tiba  
PRESIDEN MALAWI TIBA UNTUK LAWATAN TIGA HARI

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Presiden Republik Malawi Dr Bakili Muluzi tiba di sini hari ini untuk lawatan tiga hari ke Malaysia.

Dr Muluzi yang diiringi isterinya, Annie, disambut oleh Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, di Subang. Yang turut hadir ialah Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek yang juga Menteri Pengiring.

Beliau kemudian diberikan sambutan rasmi di Medan Parlimen. Ketibaan beliau disambut oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah serta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pancaragam Rejimen Askar Melayu Diraja memainkan lagu kebangsaan kedua-dua negara.

Beliau kemudian memeriksa kawalan kehormat terdiri daripada empat pegawai dan 103 anggota Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja diketuai Mejar Nor Azmi Karim.

Dr Muluzi kemudian diperkenalkan kepada para menteri Kabinet dan anggota diplomat asing.

Presiden Malawi itu dijadualkan bertemu Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri petang ini dan mengadakan mesyuarat peringkat delegasi.

Kedua-dua pemimpin itu juga dijadual menyaksikan majlis menandatangani beberapa perjanjian antara kedua-dua negara.

Pada malam ini, Tuanku Ja'afar berkenan meraikan Dr Muluzi pada jamuan negara di Istana Negara.

Esok, Dr Muluzi dijadual melawat Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, Masjid Negara dan projek rumah kos rendah Wangsa Maju.

-- BERNAMA  
WNZ AKD